

**PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Peperiksaan Subjek Jabatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan **salah satu syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan bagi 17 skim perkhidmatan bukan gunasama di bawah KKM.**
2. **Pegawai lantikan baharu yang telah mendapat pengesahan pelantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) perlu menduduki dan lulus peperiksaan ini dalam tempoh satu hingga tiga tahun sebagai salah satu syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan.**
3. **Pegawai yang tidak lulus Peperiksaan Subjek Jabatan KKM dalam tempoh tersebut boleh menyebabkan pegawai gagal disahkan dalam perkhidmatan** kerana tidak memenuhi salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).
4. Maklumat peperiksaan bagi skim-skim perkhidmatan yang disyaratkan untuk menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan KKM adalah seperti berikut:

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN
(i)	Pegawai Psikologi (Umum / Kaunseling) Gred S41
(ii)	Pegawai Psikologi (Klinikal) Gred S41
(iii)	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
(iv)	Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41
(v)	Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
(vi)	Penolong Jurutera (Elektrik) Gred JA29
(vii)	Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA29
(viii)	Penolong Jurutera (Elektronik) Gred JA29
(ix)	Penolong Pegawai Sains Gred C29

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN
(x)	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C29
(xi)	Penolong Pegawai Teknologi Makanan Gred C29
(xii)	Penolong Pegawai Psikologi Gred S29
(xiii)	Penolong Pengurus Asrama Gred N29
(xiv)	Juruteknik Perubatan (Prostetik / Ortotik) Gred U19
(xv)	Juruteknik Perubatan (Bilik Acuan) Gred U19
(xvi)	Penyelia Asrama Gred N19
(xvii)	Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19

5. **Semua urusan Peperiksaan Subjek Jabatan KKM, bermula daripada permohonan menduduki peperiksaan sehingga pengeluaran keputusan peperiksaan, adalah melalui Sistem ORES yang boleh diakses melalui pautan <http://ores.moh.gov.my>. Panduan, sukatan dan nota peperiksaan juga boleh diperolehi daripada Sistem ORES.**